

Hari 16 | Orang-orang Kurdistan Muslim di Kanada

Sudah berdekad-dekad lamanya orang-orang Kurdistan berhijrah ke Amerika Syarikat dan Kanada dari Turki, Iraq dan Iran. Beribu-ribu di antara mereka melarikan diri dari negara Iraq semasa dan selepas perbuatan Saddam Hussein membunuh orang-orang Kurdistan secara besar-besaran menggunakan senjata kimia dan peperangan. Ada di antara pelarian-pelarian ini merupakan pejuang-pejuang

kemerdekaan Kurdistan yang telah diseksa di bawah pemerintahan Saddam Hussein.

Lebih kurang enam ribu orang-orang Kurdistan kini tinggal di Ontario Selatan, Kanada – dua ribu di Hamilton, satu bandaraya yang mempunyai setengah juta penduduk. Kebanyakan orang-orang Kurdistan di Hamilton berasal dari Iraq Utara; dan mereka semua bosan dengan keganasan, penganiayaan dan pembunuhan yang masih berterusan di Iraq pada hari ini.

Lebih 90% di antara orang-orang Kurdistan di Hamilton berasal dari latarbelakang Muslim, namun terdapat beberapa di antara mereka yang berpegang kepada komunisme, ateisme dan juga kepercayaan Zoroaster. Kini, ramai orang Kurdistan di Kanada telah meninggalkan identiti Muslim mereka, bahkan ada di antara mereka yang sama sekali menentanginya. Walaupun mereka masih percaya akan Tuhan, mereka mencurigai keagamaan.

Hari 16 | Orang-orang Kurdistan Muslim di Kanada

Di Hamilton, ramai orang Kurdistan yang mengendalikan perniagaan menjual roti piza, bekerja keras dalam kedai-kedai kecil mereka tujuh hari seminggu. Pelarian dan pendatang Kurdistan sangat menghargai kebebasan yang mereka ada untuk berkumpul dan bercakap dalam bahasa mereka sendiri, iaitu loghat yang digelar Sorani. Namun, ramai di antara mereka mula mementingkan kebendaan dan mereka mula mengabaikan hal-hal rohani. Bagi generasi kedua, mereka juga menghadapi tarikan dari budaya dan bahasa yang berbeza; untuk menangani

perkara ini, orang-orang Kurdistan di Hamilton mengadakan sekolah Bahasa Kurdistan untuk anak-anak mereka supaya dapat mengekalkan budaya dan bahasa asal mereka.

Baru-baru ini, beberapa orang Kristian telah mula berusaha memberitakan Kristus di kalangan orang-orang Kurdistan di Ontario. Mereka cuba memulakan gerakan gereja-gereja rumah di kalangan masyarakat Kurdistan. Namun, walaupun terdapat keterbukaan terhadap Injil dan terdapat beberapa

orang Kurdistan yang telah pun mengakui mereka percaya akan Kristus, ramai yang rasa keberatan untuk membuat komitmen. Berdoalah agar Tuhan akan memimpin ramai lagi orang Kurdistan menemui Kristus dan agar mereka akan hidup dalam kepercayaan baru mereka ini sesungguhnya dengan gaya Kurdistan...

Bahan-bahan Doa:

* Berdoalah agar orang-orang percaya di Kanada akan menunjukkan rakan-rakan mereka dari Kurdistan

Hari 16 | Orang-orang Kurdistan Muslim di Kanada

bagaimana untuk mengikut Kristus. Semoga Tuhan Yesus Kristus akan dimuliakan sambil orang-orang Kurdistan menemui Jalan, Kebenaran dan Hidup (Yohanes 14:6).

* Berdoalah agar Tuhan akan menghantar mimpi dan penglihatan kepada masyarakat Kurdistan agar mereka akan melihat keperluan rohani mereka dan juga bagaimana Tuhan telah membekalkan segalanya melalui Yesus.

* Berdoalah untuk orang-orang Kurdistan agar mereka akan ada kerinduan untuk lebih memahami kisah Tuhan melalui Alkitab dan filem-filem Kristian.

Dorongon untuk berdoa:

Doa seorang benar adalah berkuasa dan berkesan (Yakobus 5:17-20)

Elia adalah manusia biasa sama seperti kita, dan dia telah bersungguh-sungguh berdoa, supaya hujan jangan turun, dan hujan pun tidak turun di bumi selama tiga tahun dan enam bulan. Lalu dia berdoa

pula dan langit menurunkan hujan dan bumi pun mengeluarkan buahnya. Saudara-saudaraku, jika ada di antara kamu yang menyimpang dari kebenaran dan ada seorang yang membuat dia berbalik, ketahuilah, bahawa barang-siapa membuat orang berdosa berbalik dari jalannya yang sesat, dia akan menyelamatkan jiwa orang itu dari maut dan menutupi banyak dosa.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim